

TEKS UCAPAN

**YB. DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN DAN PAMERAN
PENGKOMERSILAN MOSTI (MCCE) 2015**

**DEWAN TUN RAZAK 1, PWTC KUALA LUMPUR
KHAMIS, 19 NOVEMBER 2015**

[senarai salulasi terkini akan disediakan UKK MOSTI]

YANG BERTHORMAT DATUK DR ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

YANG BERBAHAGIA DATO' DR MOHD AZHAR HJ YAHAYA
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MOSTI

YANG BERBAHAGIA DR ZULKIFLI MOHAMED HASHIM
Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI

KETUA-KETUA JABATAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

***YOUR EXCELLENCIES AMBASSADORS AND HIGH
COMMISSIONERS***

**KETUA-KETUA PENGARAH JABATAN / KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF DARI AGENSI DI BAWAH MOSTI**

TOKOH-TOKOH INDUSTRI DAN AHLI-AHLI AKADEMIK

WAKIL MEDIA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Saya amat gembira kerana kita dapat bersama-sama hadir di **MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN DAN PAMERAN PENGKOMERSILAN MOSTI ATAUPUN SINGKATANNYA MCCE 2015** pada hari ini. Ribuan terima kasih juga kepada semua yang hadir dan pihak-pihak yang memberi sokongan. Diharapkan MCCE 2015 dapat memberikan manfaat dan menyemarakkan lagi budaya pengkomersilan di negara kita.

2. MCCE 2015 adalah kesinambungan dari MCCE yang telah dianjurkan pada tahun 2014 dengan kerjasama agensi-agensi di bawah MOSTI. Penganjuran MCCE adalah selari dengan hasrat dan juga hala tuju Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk **memacu pengkomersilan di dalam negara melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D).**

3. Tujuan utama MCCE adalah untuk menyediakan platform bagi pelancaran produk R&D tempatan, memupuk budaya sains, teknologi dan inovasi (STI) dan juga sebagai medium interaksi antara pihak berkepentingan, industri, penyelidik dan juga masyarakat. Saya difahamkan MCCE kali ini merangkumi penganjuran forum ***Kuala Lumpur Innovation Forum (KLIF)***, pameran dan juga sesi padanan perniagaan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Di era globalisasi yang semakin kompetitif pada masa kini, keupayaan untuk memanfaatkan inovasi sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi menjadi semakin penting ke arah meningkatkan produktiviti dan daya saing. Oleh itu, tidak dapat dinafikan STI merupakan

pemangkin utama bagi pembangunan sesebuah negara. Tetapi, kemampuan seperti tadbir urus, bakat STI, ekosistem inovasi dan infrastruktur perlu diperkasakan bagi mencapai matlamat ini.

5. Selari dengan perkembangan ini, negara-negara membangun seperti Malaysia menekankan dua pendekatan inovasi yang popular iaitu **Inovasi Terbuka (*Open Innovation*) dan Inovasi Inklusif (*Inclusive Innovation*)**, untuk meningkatkan keberkesanan inovasi di negara masing-masing.

6. **Inovasi Terbuka** yang mengambil kira idea daripada pelbagai pihak termasuk masyarakat, banyak ditekankan di negara-negara membangun. Ianya dipercayai dapat **mempertingkatkan dan merapatkan jurang penghasilan idea yang sebelum ini bergantung penuh pada penyelidik atau ahli akademik sahaja**. Melalui pendekatan ini, selain meningkatkan penghasilan idea inovasi ia juga dapat memenuhi **keperluan pasaran** serta menawarkan harga yang berpatutan.

7. Pendekatan **inovasi inklusif** pula banyak ditekankan di negara-negara yang sedang membangun dan juga negara-negara yang berpopulasi tinggi seperti China, India dan Indonesia. Pendekatan ini mengambil kira **inovasi yang memenuhi keperluan masyarakat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah atau lebih dikenali sebagai B40**.

8. Sekiranya diteliti, kedua-dua pendekatan ini mempunyai perkaitan rapat, yang mana kedua-duanya dilihat dapat **meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos R&D dan memenuhi keperluan rakyat**. Pada masa yang sama, ianya **tetap memberikan keuntungan pada pihak pengeluar ataupun industri**. Pendekatan ini juga saling

melengkapi dan mampu mengatasi isu-isu seperti **penghijrahan cendekiawan (*brain drain*)**, **perbezaan pendapatan (*income disparity*)** dan **memacu pengkomersilan melalui pembangunan industri baru untuk negara-negara maju serta meningkatkan kualiti hidup** untuk negara-negara yang sedang membangun. Selain itu, pendekatan ini juga dapat memecahkan kitaran konvensional penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C) yang selama ini didominasi oleh kelompok akademik dan penyelidik.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. **Pelaburan R&D negara seperti yang dilaporkan di MASTIC *Public Awareness of Science, Technology and Innovation 2014*, berada pada RM10.6 billion atau 1.13% GERD/GDP pada tahun 2012, berbanding purata perbelanjaan R&D di negara-negara G20 iaitu 2.04%. Oleh itu berdasarkan situasi ini, sasaran GERD/GDP 2.0% menjelang 2020** oleh pihak Kerajaan adalah tepat dalam usaha untuk merapatkan jurang Malaysia dengan negara-negara maju yang lain.

10. Justeru itu, adalah bersesuaian untuk Malaysia menerima kedua-dua pendekatan Inovasi Terbuka dan Inovasi Inklusif, yang mana menjadikan ianya unik untuk dikenali sebagai ***Inclusive Open Innovation***. Adalah diharapkan pendekatan ini dapat melonjakkan inisiatif inovasi negara di setiap peringkat.

11. Baru-baru ini Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak semasa pembentangan Bajet 2016 telah mengistiharkan **tahun 2016 sebagai Tahun Pengkomersilan Malaysia**. Ini merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi negara. MOSTI telah

dipertanggungjawabkan untuk menerajui inisiatif ini dan mensasarkan **pengkomersilan 360 produk dalam tempoh 5 tahun** yang akan datang.

12. Tema **“360° Merakyatkan Inovasi melalui Inovasi Inklusif Terbuka”** (*360° Humanising Innovation through Inclusive Open Innovation*) merupakan tema yang cukup sesuai untuk diketengahkan di MCCE kali ini.

13. **“Merakyatkan Inovasi”** atau pada kata lainnya **penghasilan inovasi yang mengambil kira idea rakyat, tidak akan dapat dicapai tanpa pemahaman dan juga budaya inovasi yang kukuh di kalangan rakyat**. Oleh itu bagi menjayakan usaha ini, empat (4) pihak utama (*Quadruple Helix*) perlu bekerjasama dan memainkan peranan penting:

- (i) **Kerajaan** - menyediakan dasar dan strategi yang kukuh dan mampan untuk merangsang inovasi negara;
- (ii) **Penyelidik** - menghasilkan teknologi dan produk tempatan yang berpotensi untuk dikomersilkan;
- (iii) **Industri** - menjadi pemangkin R&D utama negara dengan mengkomersilkan produk yang dihasilkan oleh penyelidik tempatan; dan
- (iv) **Rakyat** - diberikan pemahaman mengenai inovasi bagi membolehkan mereka menyumbang idea ke arah penghasilan produk yang memenuhi keperluan sosial dan masyarakat.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) Ketiga, 2013-2020 menggariskan beberapa teras strategik yang dikenal pasti dapat merangsang dan memacu Inovasi negara iaitu:

- (i) Transformasi tadbir urus STI (*Transforming STI governance*);
- (ii) Memajukan R&D&C saintifik dan sosial (*Advancing scientific and social R&D&C*);
- (iii) Membangun, memanfaatkan dan meningkatkan bakat STI (*Developing, harnessing and intensifying talents*);
- (iv) Memperkasa industri (*Energising industry*); dan
- (v) Meningkatkan rangkaian Antarabangsa (*Enhancing international alliance*).

15. Sekiranya teras-teras strategik ini dapat diikuti dan diguna pakai sepenuhnya, ia akan dapat membantu pembangunan inovasi negara dan juga pertumbuhan ekonomi melalui bidang-bidang termaju yang sedang pesat membangun di peringkat global seperti bidang Bioteknologi, *Internet of Things* (IOT), Teknologi Hijau, Nanoteknologi dan Neuroteknologi.

16. Antara usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh MOSTI untuk memacu sektor pengkomersilan negara adalah dengan mewujudkan satu program khas yang dikenali sebagai **MOSTI Social Innovation (MSI)**. Semua agensi-agensi di bawah MOSTI seperti SIRIM, NanoMalaysia, Technology Park Malaysia dan BiotechCorp, bekerjasama menyediakan ekosistem yang terbaik untuk negara membangunkan bidang-bidang baru

dan mereka juga bersedia memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk pihak industri dan masyarakat.

17. Bagi memastikan usaha-usaha MOSTI dapat memberikan manfaat dan impak yang berkesan kepada kemajuan negara, adalah **diharapkan agensi-agensi di bawah MOSTI dapat membentuk rangkaian pengkomersilan Malaysia dan juga berfungsi sebagai key players bagi menggerakkan inovasi negara.**

18. Contohnya Jabatan Standard Malaysia yang memainkan peranan penting dalam memastikan produk tempatan mengikut standard yang ditetapkan ke arah memastikan kebolehpasaran produk tempatan ke peringkat antarabangsa. Manakala Akademi Sains Malaysia pula, menjalankan kajian bagi membantu pihak Kerajaan, penyelidik dan industri menyusun strategi dan hala tuju ke arah bidang-bidang strategik STI melalui kajian Mega Sains, *Foresight Alliance* dan *Emerging Science, Engineering and Technology (ESET)*.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

19. Adalah diharapkan melalui usaha dan juga inisiatif pengkomersilan yang diterajui MOSTI, inovasi negara akan terus berkembang pesat dan mampu membawa negara ke tahap yang boleh dibanggakan. Pihak MOSTI komited untuk menyediakan dan memberikan khidmat yang diperlukan untuk manfaat semua.

20. Mengakhiri ucapan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan **tahniah atas kejayaan Malaysia di 38th UNESCO General Conference di Paris** yang baru saja tamat semalam. Sebagaimana kita semua sedia maklum, **Malaysia melalui YB. Menteri Pendidikan Dato' Sri Mahdzir**

Khalid telah berjaya dipilih menganggotai Lembaga Eksekutif UNESCO, bagi penggal 2015-2019. Di samping itu Malaysia juga melalui YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Rohani Abdul Karim telah dipilih sebagai Presiden Management of Social Transformation (MOST) UNESCO. Tidak lupa juga ucapan tahniah kepada **YBhg. Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur, KSU MOSTI yang telah berjaya dipilih sebagai Presiden Natural Science Commission UNESCO.** *[Saya dimaklumkan KSU sedang dalam penerbangan pulang ke Malaysia].* Selain itu, Malaysia telah dipilih menganggota tiga sub-organ UNESCO, iaitu:

- i. MOSTI telah dipilih menganggotai Inter-Governmental Bioethics Committee (IGBC);**
- ii. Inter-Governmental Committee for the Information for All (IFA), melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia; dan**
- iii. Inter-Governmental Committee for Physical Education and Sport (CIGEPS), melalui Kementerian Belia dan Sukan.**

21. Semoga pengiktirafan antarabangsa seperti ini akan mendorong kita semua untuk lebih gigih dalam melaksanakan program-program STI, termasuk Tahun Pengkomersilan Malaysia 2016.

22. Akhir kata, saya berharap semua pihak yang menyertai MCCE 2015 mendapat manfaat daripada pelbagai slot dan aktiviti yang disediakan. Saya juga berharap agar lebih banyak produk dapat dihasilkan oleh penyelidik tempatan kita tidak kira daripada institusi

pengajian tinggi mahupun institut penyelidikan dan masyarakat, agar pengkomersilan di dalam negara terus berkembang.

**23. DENGAN INI, SAYA DENGAN RASMINYA MELANCARKAN
23 PRODUK R&D MOSTI DAN SETERUSNYA MERASMIKAN MCCE
2015.**

Sekian, terima kasih.